

MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT LATIHAN INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)
BILANGAN 1 TAHUN 2026

15 Julai 2026 - Rabu

Mesyuarat Majlis Penasihat Latihan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) Bilangan 1 Tahun 2026 telah berjaya dilaksanakan di Bilik Perbincangan KSU, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Mesyuarat penting ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Wira Anis Rizana binti Mohd Zainudin, Ketua Setiausaha NRES, serta dihadiri oleh barisan ahli Majlis Penasihat Latihan daripada pelbagai jabatan, agensi, tokoh akademik, dan pihak pengurusan tertinggi INSTUN.

Mesyuarat ini memberi tumpuan kepada perbincangan strategik serta perkongsian pandangan dua hala dalam usaha memperkasakan lagi kualiti dan hala tuju program latihan yang ditawarkan oleh INSTUN. Segala cadangan dan syor yang dikemukakan oleh ahli majlis adalah amat penting bagi memastikan kurikulum latihan INSTUN sentiasa dinamik, berkualiti tinggi, dan memenuhi keperluan semasa industri tanah, ukur, serta pemetaan di peringkat nasional.



